



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : FIQH IBADAT
KOD KURSUS : DPI 1013
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2017
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian: BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
BAHAGIAN C (20 Markah)

2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Berikut merupakan air yang boleh dibuat bersuci **KECUALI**
 - A Air hujan
 - B Air perigi
 - C Air salji
 - D Air kopi

2. Berikut merupakan perkara yang haram dilakukan oleh perempuan yang sedang haid
 - i. Solat
 - ii. Puasa di bulan Ramadhan
 - iii. Berzikir
 - iv. Mempelajari ilmu agama
 - A i,ii
 - B i,iii
 - C ii,iv
 - D i,ii,iii

3. Berikut merupakan jenis-jenis najis. Manakah najis yang melibatkan anjing dan babi
 - A najis mutawassitah
 - B najis mughallazah
 - C najis Mukhaffafah
 - D najis mutanajjis

4. Solat dari segi bahasa ialah
 - A perbuatan tertentu
 - B tunduk kepada Allah
 - C sujud kepada Allah
 - D doa

5. Berikut adalah syarat wajib solat
- A suci daripada hadas kecil dan besar
 - B yakin masuk waktu
 - C menghadap kiblat
 - D menutup aurat dengan sempurna
6. Manakah antara berikut merupakan perkara yang makruh ketika menunaikan solat
- A berubah niat
 - B menahan diri daripada buang air besar dan kecil
 - C terbuka aurat
 - D menangis hingga mendengar suara
7. Antara solat yang boleh diqasarkan ialah
- i. subuh
 - ii. zohor
 - iii. maghrib
 - iv. isyak
- A i,ii
 - B i,iii
 - C ii,iv
 - D i,ii,iii
8. Manakah antara berikut merupakan kaifiat(cara) solat ketika sakit
- i. mengiring
 - ii. meniarap
 - iii. isyarat hati
 - iv. isyarat mata
- A i,ii
 - B i,ii, iii
 - C i, iii, iv
 - D i, ii, iii

9. Apakah hukum berpuasa di bulan Ramadhan
- A wajib
 - B haram
 - C sunat
 - D harus
10. Manakah antara berikut **BUKAN** syarat wajib puasa
- A Islam
 - B miskin
 - C baliqh
 - D berakal
11. Berikut merupakan antara sebab-sebab terbatalnya puasa seseorang **KECUALI**
- A makan dan minum dengan sengaja di siang hari
 - B kentut ketika berada di dalam air
 - C makan sebelum masuk waktu maghrib
 - D bersetubuh bersama pasangan
12. Manakah antara berikut merupakan perkara yang makruh ketika menunaikan solat
- A berubah niat
 - B menahan diri daripada buang air besar dan kecil
 - C terbuka aurat
 - D menangis hingga mendengar suara
13. "Berpuasa pada bulan Ramadhan hukumnya wajib. Sekiranya ditinggalkan wajib diqada'kan dan sekiranya tidak diqada'kan sebelum datangnya bulan Ramadhan pada tahun seterusnya, bayaran fidyah perlu ditunaikan"
- Manakah antara berikut golongan yang **TIDAK** dikenakan fidyah puasa
- A kanak-kanak yang belum baliqh
 - B wanita hamil
 - C ibu yang menyusukan anak
 - D buruh kasar

14. Berapakah rukun haji?

- A 7
- B 8
- C 5
- D 6

15. Berapakah wajib haji yang tidak boleh ditinggalkan?

- A 7
- B 8
- C 5
- D 4

16. Manakah antara berikut merupakan kaifiat(cara) solat ketika sakit

- i. mengiring
- ii. meniarap
- iii. isyarat hati
- iv. isyarat mata

- A i,ii
- B i,ii, iii
- C i, iii, iv
- D i, ii, iii

17. Manakah diantara berikut merupakan antara golongan asnaf yang layak menerima zakat?

- A orang kaya
- B muallaf
- C kafir
- D Usahawan

18. Berikut merupakan harta yang diwajibkan zakat **KECUALI**

- A naqdaan(matawang)
- B binatang ternakan
- C tanaman dan buah-buahan
- D perabot rumah dan peralatan rumah

19. Zakat hanya diwajibkan ke atas orang yang memiliki syarat-syarat berikut

KECUALI

- A Islam
- B memiliki nisab iaitu had minima harta yang dimiliki
- C cukup haul setahun(qamariyah) atas pemilikan nisab
- D kafir zimmi yang berlindung dalam negara Islam

20. Zakat merupakan rukun Islam

- A pertama
- B kedua
- C ketiga
- D keempat

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TUJUH(7)** soalan.

Jawab **ENAM(6)** soalan sahaja. Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

1. Nyatakan pengertian fiqh ibadat?
(2 markah)
2. Nyatakan **empat(4)** jenis perbuatan yang dianggap ibadat?
(4 markah)
3. Senaraikan **empat(4)** kepentingan mempelajari fiqh ibadat.
(4 markah)

SOALAN 2

"Solat merupakan tiang agama"

1. Nyatakan pengertian solat menurut istilah.
(2 markah)
2. Huraikan **dua(2)** hikmah menunaikan solat.
(4 markah)
3. Apakah hukum menunaikan solat bagi kanak-kanak dan orang gila. Huraikan beserta hujah.
(4 markah)

SOALAN 3

"Bersuci itu adalah separuh daripada iman"

1. Nyatakan pengertian bersuci menurut istilah.
(2 markah)
2. Huraikan **dua(2)** alasan mengapa Islam mengambil berat tentang kebersihan dan bersuci.
(4 markah)
3. Huraikan **dua(2)** jenis-jenis air yang boleh digunakan untuk bersuci.
(4 markah)

SOALAN 4

"Islam dibina atas lima perkara: mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW adalah utusan Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan puasa pada bulan Ramadhan"

(Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

1. Berdasarkan hadis di atas, nyatakan hukum berpuasa di bulan Ramadhan.
(2 markah)
2. Huraikan **dua(2)** faedah berpuasa kepada individu Islam.
(4 markah)
3. Huraikan **dua(2)** syarat wajib puasa.
(4 markah)

SOALAN 5

"Dan sempurnakanlah ibadat haji dan Umrah kerana Allah SWT"

1. Nyatakan pengertian haji menurut istilah.
(2 markah)
2. Huraikan **dua(2)** hikmah menunaikan haji.
(4 markah)
3. Huraikan **dua(2)** syarat yang mewajibkan haji.
(4 markah)

SOALAN 6

"Dan sempurnakanlah ibadat haji dan Umrah kerana Allah SWT"

4. Nyatakan pengertian umrah menurut istilah.
(2 markah)
5. Huraikan **dua(2)** rukun umrah.
(4 markah)
6. Huraikan **dua(2)** perkara yang haram dilakukan ketika dalam Ihram ketika melaksanakan umrah.
(4 markah)

SOALAN 7

"Dirikanlah sembahyang dan keluarkanlah zakat"

(Surah al-Baqarah:43)

7. Nyatakan pengertian zakat menurut istilah.

(2 markah)

8. Huraikan **dua(2)** hikmah membayar zakat.

(4 markah)

9. Huraikan **dua(2)** kesan melewatkan pembayaran zakat.

(4 markah)

[60 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **DUA(2)** soalan, jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

1. Islam merupakan agama syumul yang membincangkan keseluruhan hal berkaitan kehidupan manusia antaranya perbahasan mengenai solat, puasa, dan zakat. Huraikan dengan terperinci.

(10 markah)

2. Rukun Islam mempunyai 5 rukun antaranya menunaikan solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, dan menunaikan haji bagi yang mampu. Bincangkan dengan terperinci hukum melaksanakannya.

(10 markah)

SOALAN 2

1. Anda merupakan pelajar Diploma Perbankan Islam di sebuah kolej terkemuka di Johor iaitu Kolej Yayasan Pelajaran Johor. Rakan-rakan sekuliah anda keseluruhannya adalah melayu dan beragama Islam, namun mereka tidak pernah menunaikan solat lima waktu. Oleh yang demikian, sebagai seorang rakan sekuliah, anda bertanggungjawab untuk saling ingat-mengingati dan mengajak mereka untuk bersama-sama melaksanakan perintah Allah SWT. Kemukakan cadangan penyelesaian terhadap permasalahan di atas.

(10 markah)

2. Bekerja merupakan suatu ibadah selagimana pekerjaan itu tidak melibatkan unsur-unsur yang dilarang oleh Islam. Berdasarkan pandangan anda, terangkan dengan terperinci bagaimana sesuatu pekerjaan dianggap satu ibadah.

(10 markah)

[20 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

